

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN  
ABDUL RAHIM [BALING]**

**TARIKH** : **26 Mei 2016**

**NO. SOALAN** : **122**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan inisiatif pihak Kementerian dalam membantu golongan petani, pekebun kecil, penoreh getah dalam mencari pendapatan sampingan. Contohnya menyediakan peruntukan khas untuk membeli bantuan peralatan pertanian, menjalankan perniagaan IKS sendiri dan yang lain-lain.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah melaksanakan dan mengenalpasti beberapa langkah dalam membantu pekebun kecil dan penoreh getah dalam mencari pendapatan sampingan iaitu :

1. Melaksanakan **Program Laman Kebun, Program Integrasi, Program Aktiviti Ekonomi Tambahan** dan **Skim Insentif Produktiviti Getah** kepada **40,000 orang pekebun kecil dan juga penoreh getah** yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak **RM42 juta**,
2. Melatih pekebun kecil menjadi usahawan melalui **Program Pembangunan Keusahawanan**,
3. Memberi peluang pekebun kecil melaksanakan **Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain (TSGL)** seperti kelapa sawit, kelapa, koko, kopi, nanas, orkid, lada hitam serta buah-buahan,
4. Berkerjasama dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) supaya pekebun kecil dan penoreh menerima manfaat dari program **Insentif Produktiviti Getah (IPG)**,
5. Memendekkan rangkaian pemasaran getah dan sawit agar Pekebun Kecil memperoleh harga yang lebih tinggi melalui

pembinaan **Pusat Timbang dan Stor (PTS)** serta **Depo Belian RISDA**; dan

6. Menggalakkan Pekebun Kecil mengamalkan **Good Agricultural Practices (GAP)** bagi memastikan kebun dijaga dan diselenggara dengan baik.

Manakala bagi golongan petani, Kementerian melalui Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian serta RISDA sedang melaksanakan Projek Perintis Cendawan *Volvariella* di Kemaman, Terengganu dan di Bera, Pahang. Kedua-dua projek menggunakan peruntukan dari KKLW.

Tujuan utama projek NBOS ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pendapatan sampingan pekebun-pekebun kecil getah yang sedang mengalami kejatuhan harga getah. Cendawan *Volvariella* disyorkan ditanam di kawasan kebun getah yang telah mempunyai lindungan sebanyak 90%. Penanaman Cendawan *Volvariella* ini menggunakan modal yang rendah serta pengurusan yang mudah.